


INISIATIF MAKMAL TRANSFORMASI PEMBANGUNAN BELIA

MyCorps

EDISI TERHAD 2011
www.mycorps.my



Adakah anda berusia

21-30 tahun dan

Mempunyai **kualiti kepimpinan**,
aktif dalam bidang kesukarelaan
serta mampu berdaya saing untuk

**Mempromosikan khidmat sukarelawan
melalui kerja sosial di Peringkat**

Domestik dan Antarabangsa

Adakah anda yang kami cari?

Maklumat lanjut sila hubungi 03-88713713 atau 03-88713741
Bahagian Pembangunan Rakan Muda
Jabatan Belia dan Sukan Negara
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

SERTAI PASUKAN SUKARELAWAN ELIT MY CORPS

Ahli My Corps

- Sukarelawan yang berkemahiran dalam pelbagai bencana dan pembangunan komuniti
- Berpengalaman dalam pembangunan pemulihan trauma mangsa bencana
- Membangunkan taktik dan pendekatan dalam pelbagai jenis bencana dan komuniti

My Corps' merupakan hasil inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia ke arah menjana modal sosial melalui penyediaan tenaga sukarelawan yang bertindak sebagai '*Role Model*' dan tenaga elit kesukarelaan bagi mendorong semangat sukarela dikalangan generasi Y.

My Corps merupakan satu program yang memberi fokus kepada program kepimpinan kesukarelaan belia yang bertujuan mewujudkan pemimpin kesukarelaan tahap tinggi. Inisiatif MY Corps ini akan melahirkan seramai 60 orang pemimpin sukarela dari kalangan golongan belia yang benar-benar berkualiti dan memiliki nilai-nilai kesukarelaan yang tinggi dalam tempoh setahun dan seterusnya.

My Corps bertujuan menggalak dan meningkatkan semangat kesukarelaan di kalangan belia melalui pengalaman mereka serta menggunakan inisiatif sendiri dalam melaksanakan tugas kesukarelaan di peringkat tempatan dan antarabangsa disamping memupuk kesedaran dalam diri belia tentang isu-isu tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan keamanan, peperangan, konflik, perpaduan, pendidikan, bencana kesihatan dan kelaparan dan sebagainya.

Melalui pelaksanaan MY Corps, satu Majlis sukarelawan khusus bagi sukarelawan belia yang bertindak sebagai platform peringkat nasional akan diwujudkan. Majlis Sukarelawan ini berfungsi sebagai badan koordinasi dan penyelarasan kepada seluruh badan-badan kesukarelaan yang wujud di Malaysia. Ia akan menjadi direktori rujukan kepada penggiat-penggiat sukarelawan yang berminat untuk menyumbang apa sahaja mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing. Badan ini akan dipantau oleh kerajaan/kementerian seperti KBS.

KRITERIA PEMILIHAN

- Warga negara Malaysia yang berumur 18 hingga 30 tahun
- Boleh menulis dan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (pengetahuan bahasa ketiga adalah kelebihan)
- Berkeinginan mempelajari bahasa asing
- Lulusan SPM atau pelajar universiti atau lulusan universiti
- Mempunyai kemahiran yang spesifik, pengalaman dan nilai sendiri.

Pendaftaran calon hanya boleh dibuat secara *online* di laman sesawang

<http://www.mycorps2u.blogspot.com/>